

TARIKH : 11 November 2025

AKHBAR : Berita Harian

MUKA SURAT : 21

Kepelbagaian ekonomi Malaysia beri kelebihan

Bisnes

Selasa,
11 November 2025
bhd@bh.com.my

Kepelbagaian ekonomi
Malaysia beri kelebihan

Ekonomi negara berkembang 5.2 peratus suku ketiga dalam persekitaran mencabar

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia terus berdaya tahan dengan perangkaan awal menunjukkan semua sektor ekonomi terus rancak pada suku ketiga tahun ini meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar, kata Menteri Ekonomi, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, anggaran awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang 5.2 peratus pada suku ketiga 2025, walaupun persekitaran global kekal mencabar.

Katanya, perangkaan menunjukkan semua sektor ekonomi rancak dengan sektor pembinaan meningkat sekitar 11 peratus, perkhidmatan 8.1 peratus, manufaktur 5.1 peratus, pertanian 4.1 peratus, dan perdagangan 3.1 peratus.

Menurutnya, kekuatan utama

Amir Hamzah (tengah) melancarkan Program INNOVATHON musim ketiga di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

model ekonomi yang kita, satu model yang baik. Usaha kita untuk meningkatkan kerencaman dalam rangka Ekonomi MADANI masih berjaya," katanya.

56 inovator sertai INNOVATHON

Mengenal Program INNOVATHON musim ketiga, Amir Hamzah berkata, program itu dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Beliau berkata, bagi musim ketiga, jumlah penyertaan meningkat lebih 100 peratus, iaitu sebanyak 2,032 pada 2025 berbanding 1,003 pada 2024, membuktikan bahawa rakyat Malaysia semakin berani tampil ke hadapan untuk memperagakan produk inovasi keluaran tempatan yang bermutu tinggi, berkualiti dan mempunyai impak yang besar kepada masyarakat.

"Bagi menunjukkan penghargaan kepada sambutan yang diterima, Kementerian Ekonomi mengumumkan peningkatan nilai hadiah keseluruhan bagi Dana Sokongan Pembangunan Perniagaan, iaitu daripada RM1.0 juta kepada RM1.65 juta.

"Oleh itu, 56 inovator tempatan akan bersaing untuk merebut Hadiah Utama berbentuk wang tunai RM100,000 berserta Dana Sokongan Pembangunan Perniagaan sebanyak RM500,000," katanya.

Malaysia terletak pada kepelbagaian ekonominya, bukan sahaja dari segi produk, tetapi juga pasaran eksport.

"Kita tidak bergantung kepada satu sektor atau satu pasaran. Struktur ekonomi yang pelbagai ini memberi kelebihan kepada Malaysia untuk terus berkembang, walaupun keadaan dunia masih berdepan ketidakpastian," katanya pada sidang media Program INNOVATHON musim ketiga, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas prestasi ekonomi negara bagi suku ketiga 2025. Perangkaan ekonomi bagi suku ketiga 2025 dijadualkan diumumkan Jumaat ini.

Dari segi pelaburan, Amir Hamzah berkata, prestasi pelaburan di Malaysia juga terus meningkat dengan meraih pelaburan diluluskan sebanyak RM190.3 bilion pada semester pertama 2025.

Beliau berkata, peningkatan 18.7 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, peningkatan itu menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap model ekonomi negara yang berpaksikan nilai dan daya saing jangka panjang.

Jelasnya, pelaburan diluluskan itu tertumpu kepada sektor pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV), termasuk semikonduktor serta minyak dan gas.

"Pelabur asing percaya yang